



---

**PEKELILING MAJIKAN BIL 2/99**  
**Pemberhentian Sebagai Majikan**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan mengingatkan majikan-majikan yang berdaftar dengan MPSM mengenai majikan yang menamatkan operasi

**2. PENGECUALIAN PEMBAYARAN LEVI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

- 2.1 Satu pekeling mengenai pemberhentian sebagai majikan iaitu "Pekeling Majikan Bil. 5/98" yang berkuatkuasa mulai 16 Julai 1998 telah dikeluarkan oleh Majlis sebelum ini. Ada kenyataan pada "Pekeling Majikan Bil. 5/98" tersebut telah didapati tidak konsisten dengan Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992 (Akta 491) dan perlu diperbetulkan. Oleh itu adalah dimaklumkan bahawa "Pekeling Majikan Bil. 5/98" mengenai Pemberhentian Sebagai Majikan Dibatalkan dan digantikan dengan Pekeling Majikan yang baru ini.

**3. PEMBERHENTIAN SEBAGAI MAJIKAN**

- 3.1 Adalah menjadi tanggungjawab mana-mana majikan yang telah berdaftar dengan Majlis dan sekiranya menamatkan operasi syarikat hendaklah memaklumkan kepada Majlis secara rasmi dalam masa 30 hari dari tarikh terhentinya
- 3.2 Mengikut seksyen 4(3) Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992 (Akta 491), jika mana-mana orang berhenti daripada menjadi seorang majikan di bawah Akta ini, dia hendaklah dalam masa tiga puluh hari dari masa terhentinya itu memberitahu Majlis mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.
- 3.3 Sehubungan itu majikan berkenaan perlu menyempurnakan borang 4 iaitu borang pemberhentian sebagai majikan. Borang 4 tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang dapat membuktikan pernyataan di dalam borang berkenaan. Dokumen sokongan itu juga perlu disahkan benar.
- 3.4 Majikan yang mengingkari peraturan ini boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 4(4) Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992 iaitu mana-mana orang yang melakukan kesalahan dan apabila disabitkan, boleh di denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Dengan terkeluarnya Pekeling Majikan ini dan bagi mengelakkan tindakan undang-undang diambil terhadap mana-mana majikan, adalah diharapkan majikan yang berhenti menjadi sebagai majikan akan mematuhi seksyen 4(3) Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992, dan tidak lagi lewat menghantar borang 4 sepertimana yang terdapat sekarang.

#### 4. PENUTUP

Tarikh seksyen 4(3) Akta 491 terpakai keatas semua majikan yang berdaftar dengan Majlis adalah pada tarikh Akta 491 ini diwartakan iaitu pada 16 Julai 1992. Oleh itu, bermula dari tarikh pekeliling majikan ini pihak Majlis akan mengambil tindakan keatas mana-mana majikan yang melanggar seksyen 4(3) Akta 491 mulai tarikh berkuatkuasanya Akta 491.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

" LATIHAN TERANCANG TUNGGAK KECEMERLANGAN"

Saya yang menurut perintah,

(JALIDAH BINTI MOHD YUSOF)  
b/p Ketua Pengarah,  
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

